

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : INNOVATION
PUSAT/ FUNGSI : BLOCK AND PUZZLE
TAJUK/ TEMA : BINA KERETA KEBAL

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 6.3.4	Membuat pelbagai binaan yang kukuh dan stabil menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti
		KE 3.3.6	Menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula
3	STREAM	S	Membuat pemerhatian dan meneroka proses menghasilkan kereta kebal tentera.
		T	Video, Smart TV
		R	Menanam sikap cintakan negara , disiplin dan kerjasama kepada kanak - kanak dalam menghasilkan kereta kebal
		E	Membuat lakaran reka bentuk kereta kebal
		A	Menggunakan imaginasi dan kreativiti semasa menghasilkan kereta kebal
		M	Mengenal pasti kedudukan setiap komponen serta fungsi kereta kebal
4	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak - kanak dapat membina prototaip model kereta kebal	
5	BBM	Kotak kosong ,gam , gunting , pisau , warna air , surat khabar, span.	
6	NILAI MURNI	Berdikari , bekerjasama	

7

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Ibu bapa dimaklumkan tentang projek membuat prototaip model kereta kebal dan diminta untuk membekalkan kotak bersaiz besar dan surat khabar lama .
2. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang pembinaan prototaip model kereta kebal dan mengenal pasti bahan-bahan yang diperlukan
3. Kanak-kanak dibahagikan kepada 5 kumpulan untuk menghasil 5 buah model kereta kebal.
4. Guru menerangkan langkah-langkah menghasilkan kereta kebal:
 - i. Kanak - kanak membuat lakaran kereta kebal mengikut kreativiti mereka sendiri .
 - ii. Kanak - kanak mula membina prototaip kereta kebal dengan menggunakan bahan yang telah disediakan berdasarkan lakaran yang telah dibuat.
 - iii. Kotak kosong pelbagai saiz untuk membuat badan kereta kebal
 - iv. Kanak - kanak mewarnakan kereta kebal yang telah disiapkan dengan menggunakan warna - warna loreng .
 - v. Kanak - kanak mewarnakan kereta kebal menggunakan teknik capan
5. Penilaian akhir terhadap model prototaip dilakukan oleh rakan – rakan dengan menggunakan cop berbentuk bintang . Jumlah bintang yang banyak menunjukkan binaan prototaip yang terbaik dan menarik .
6. Kanak-kanak berbincang tentang hasil cipta mereka dan mempamerkan

Nota:

. Guru boleh menyediakan pelbagai BBM berdasarkan kreativiti guru serta minat kanak-kanak